

24/04/1997

98 meninggal dalam tahanan

reports on "Dewan Rakyat" by Kamal Ahmad; Wan Jailani Razak
KUALA LUMPUR, Rabu - Sejumlah 98 pendatang tanpa izin meninggal dunia dalam depot tahanan Jabatan Imigresen di seluruh negara sejak pusat tahanan itu dibuka sehingga 31 Mac lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata daripada jumlah itu, 45 adalah rakyat Indonesia, Bangladesh (40), India (lima), Pakistan (satu) Myanmar (enam) dan Nepal (satu).

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) di sidang Dewan Rakyat hari ini, Dr Mahathir berkata kematian itu berpunca daripada pelbagai masalah kesihatan, termasuk penyakit beri-beri, Aids, jantung, kecemasanurgeri, sakit perut, sesak nafas dan barah.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, ada 10 depot tahanan Imigresen di seluruh negara dengan depot tahanan di Juru (Pulau Pinang), Langkap (Perak), Macap Umboo (Melaka) dan Kemayan (Pahang) masing-masing melaporkan tujuh kematian.

Selain itu, 43 kematian dilaporkan di depot tahanan Semenyih, Lenggeng (lapan), Pekan Nanas (15), Kelapa Sawit (dua) dan satu masing-masing di Tanah Merah serta Sandakan.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid dalam jawapan bertulis kepada Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) berkata, jumlah hari persidangan Dewan Rakyat tahun lalu ialah 83 hari.

Kehadiran Perdana Menteri dalam persidangan tiga penggal itu ialah tujuh hari, timbalannya; Datuk Seri Anwar Ibrahim (25); Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (10); Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng (10) dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik (lima).

Dr Mahathir dan Anwar masing-masing turut menikmati elaun bulanan sebagai Ketua Dewan dan Timbalan Ketua Dewan iaitu RM2,890 dan RM1,490.

(END)